

# **PENGENALAN VHM**

*Veterinary Health Mark (VHM) adalah merupakan salah satu daripada pensijilan veterinar di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Pensijilan ini ditawarkan secara sukarela kecuali untuk pasaran eksport termasuk negeri Sabah dan Sarawak. Loji yang terdiri daripada rumah sembelih dan loji pemprosesan produk berasaskan haiwan ini akan melalui proses pemeriksaan veterinar secara berkala oleh Auditor Veterinar Dilantik (AVD) yang kompeten. Ini adalah untuk memastikan loji akur sepenuhnya kepada keperluan minima Kebersihan dan Sanitasi, kepastian kualiti dan keselamatan makanan yang ditetapkan oleh DVS dengan penekanan kepada Good Manufacturing Practice (GMP) dan Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP).*

*Pensijilan VHM ini bertujuan untuk memantapkan sistem pengesahan dan pengeluaran Sijil Kesihatan Veterinar bagi produk berasaskan haiwan untuk pasaran eksport. Dengan pensijilan ini, masa memproses dokumen eksport telah disingkatkan kepada dua (2) hari bekerja tertakluk kepada peruntukan di bawah Animal Rules, 1962.*

*Pensijilan VHM telah memenangi Anugerah Inovasi Sektor Awam Kerajaan Malaysia pada tahun 1995 kerana bersifat proaktif dan menjimatkan masa. Berdasarkan tafsiran Pekeliling Jabatan Perkhidmatan Awam, No. 5 tahun 1999, logo VHM merupakan harta intelek Kerajaan dan Kerajaan mempunyai hak mutlak ke atas penggunaannya. DVS telah dipertanggungjawabkan untuk mengatur penggunaan logo tersebut secara komersil dan mencegah penyalahgunaannya selaras dengan kuasa yang diperturunkan oleh Kerajaan. Logo VHM turut diklasifikasikan sebagai Certification Trade Mark (Class 16, 29, 30 and 44) di bawah Trade Marks Regulations, 2022 atau Trade Marks Act, 1976.*

*Logo yang menjadi lambang kualiti ini akan memberikan keyakinan kepada pengguna terhadap keselamatan dan keterjaminan produk haiwan.*